

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 JANUARI 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 5

SINAR HARIAN • KHAMIS 13 JANUARI 2022

KELUARGA MALAYSIA PRIHATIN



5

Mangsa banjir lega terima BWI

2,844 terima wang tunai RM2,000

Oleh ENGHUL SHARIFUL AZNI & MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM

SHAH ALAM

Penerima Bantuan Wang Ihsan (BWI) Selangor yang terkesan akibat banjir pada Disember lalu menerima sumbangan tersebut bagi meringankan beban mereka.

Seramai 2,844 ketua isi rumah menerima bantuan wang tunai sebanyak RM2,000 daripada Kerajaan Persekutuan dan negeri di tiga kawasan di Selangor iaitu Taman Sri Muda, Seksyen 25, Kampung Bukit Lanchong, Seksyen 28, di Shah Alam dan Kampung Bukit Changgang, Dengkil, pada Selasa.

Tinjauan *Sinar Harian* di Dewan Azalea, Taman Sri Muda, Seksyen 25 mendapati orang ramai mulia beratur untuk mendapatkan wangi bantuan bermula jam 7.30 pagi.

Pegawai Daerah Klang, Mohd Faizal Abdul Raji berkata, sebanyak 90.6 peratus daripada 1,500 ketua isi rumah yang menerima BWI hadir ke dewan tersebut setakat jam 12 tengah hari.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Klang berkata, seramai 62 petugas dari kakitangan Unit Penyelaras Pelaksana (ICU) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Klang bertugas untuk agihkan bantuan.

"Pihak kami juga bergerak



Proses permohonan bantuan hanya mengambil masa sekitar 15 minit untuk dipelopori bagi seorang pemohon.

ke tempat-tempat lain untuk agihkan bantuan. Penerima akan mendapat mesej menerusi sistem pesanan ringkas (SMS).

"Namun jika mereka tidak hadir, pihak kami akan hubungi mereka melalui panggilan telefon untuk mereka ambil bantuan tersebut di PDT Klang," katanya ditemui media.

Sementara itu, Dewan

Kenanga, Seksyen 28 di sini, mulai dibantui penerima BWI seawal jam 3.30 petang.

Pegawai Daerah Petaling, Datuk Johary Anuar berkata, pihaknya telah melaksanakan pemberian BWI kepada mangsa-mangsa banjir di Kampung Bukit Lanchong, Seksyen 28 sejak 28 Disember lalu.

Ujarnya, mangsa-mangsa banjir di sini turut menerima sumbangan bantuan barang keperluan asas yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan menerusi ICU sebanyak RM2,500, selain BWI dan Bantuan Selangor Bangkit (BSB).

"Sumbangan pembelian barang keperluan asas ini adalah sesi pertama kali yang

diberikan di daerah Petaling. "Buat masa ini, Kerajaan Selangor menetapkan tarikh akhir menerima permohonan bantuan pada 31 Januari ini dan agihan bantuan tetap akan diteruskan tertakluk kepada bantuan tersebut di PDT Klang," katanya ditemui media.

Terharu

Penerima, Norafeezah Sa-iri, 39, berkata, proses permohonan bantuan berjalan lancar dan hanya mengambil masa seminggu selepas ia dihantar sebelum dihubungi oleh pihak PDT Petaling.

Dia yang bekerja sebagai pemandu syarikat penghantaran akan menggunakan wang berkenaan untuk membeli barang keperluan asas dan perakitan elektrik yang rosak.

"Anggaran kerugian hampir RM50,000, siling rumah musnah kerana guna siling kapur. Saya bersyukur dengan bantuan ini, dapatlah meringankan beban dan membeli apa-apa barang yang patut," katanya.

Mangsa lain, Mat Said Sudin, 63, kerugian sekitar

REAKSI



"Proses untuk mendapatkan wang sumbangan di sini berjalan lancar. Saya bercadang beli barang elektrik dan buki rumah dengan wang RM2,000 ini." - Pang Lu Tan, 72



"Saya akan gunakan wang ini untuk beli keperluan sekolah anak. Saya belum bercadang untuk membeli barang elektrik kerana bimbang banjir berulang." - Juruteknik, Mohd Zakri Zainal, 40



"Tak sangka proses permohonan dan agihan selepas dalam tempoh seminggu lebih sahaja. Hari ini, saya hanya ambil masa 10 minit untuk terima bantuan." - Kerani, Noor Syakilla Semmin, 33



"Saya nak ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri kerana inilah bantuan yang kami harapkan dan tunggu selama ini." - Aldrin Balkin, 53

RM100,000 meliputi kerosakan rumah, harta benda dan kelengkapan katering.

Beliau yang menerima wang bantuan sebanyak RM4,500 ini akan membahagikan rumah dan membeli perkakas katering baharu.

"Saya tak sempat selamatkan apa-apa selain daripada

dokumen penting seperti surat berakat dan kad pengendalian. Sejak 20 tahun di sini, ini kali pertama banjir berlaku seterus ini," katanya.

Ganti peralatan

Sementara itu di Dengkil, seorang penduduk di Kampung Bukit Changgang, Nur Fazreen Mohd Zamil, 31, menyifatkan jumlah bantuan diterima dapat meringankan bebanannya untuk menggantikan barang keperluan rumah yang rosak.

Beliau yang juga seorang peguam berkata, kejadian banjir yang berlaku sebanyak dua kali pada Disember lalu telah merosakkan barang elektrik, perabot termasuk kabinet dapur rumahnya.

"Dengan bantuan ini dapatlah kami membeli barang keperluan yang baru," katanya ketika ditemui di pusat pemberian bantuan banjir di Dewan Orang Ramai Kampung Bukit Changgang.



Norafeezah (kanan) bersama ibunya, Saudah Mat Yusop, 73, yang hadir menerima bantuan.



Suasana di luar Dewan Azalea, Seksyen 25 yang mula menerima kehadiran penduduk bermula jam 7.30 pagi.